

SOALAN NO:17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 19 OKTOBER 2015

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menyelamatkan pekerja yang diberhentikan kerja dalam kegawatan ekonomi sekarang.

PR-1333-L70561

**JAWAPAN:**

1. Berdasarkan rekod data Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 30 September 2015 sebanyak 412 majikan dilaporkan melaksanakan tindakan pemberhentian pekerja yang melibatkan seramai 15,711 orang pekerja seperti statistik di bawah:

Aktiviti	Bilangan Majikan	Jumlah Pekerja Diberhentikan		
		Tempatan	Asing	Jumlah
Pemberhentian Biasa	357	12,772	1,127	13,899
Pemberhentian Sukarela	55	1,722	90	1,812
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>412</b>	<b>14,494</b>	<b>1,217</b>	<b>15,711</b>

3. Berdasarkan trend pemberhentian kerja bagi tempoh Januari hingga September untuk tempoh 3 tahun terakhir ini, didapati kadar pemberhentian kerja bagi tahun 2015 adalah lebih rendah berbanding bagi tempoh yang sama pada tahun 2014 dan 2013 seperti adalah seperti berikut:

AKTIVITI	Tahun 2014 (1/1/2014 sehingga 30/9/2014)		Tahun 2013 (1/1/2013 sehingga 30/9/2013)	
	Bil. Majikan	Jumlah Pekerja	Bil. Majikan	Jumlah Pekerja
Pemberhentian Biasa	265	12,114	304	17,977
Pemberhentian Sukarela	66	4,054	61	10,651
<b>Jumlah</b>	<b>331</b>	<b>16,168</b>	<b>365</b>	<b>28,628</b>

4. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa setiap pekerja yang diberhentikan akan mendapat pampasan atau bayaran-bayaran lain mengikut undang-undang, peraturan dan perjanjian sedia ada bagi

memastikan nasib mereka terbela. JTKSM telah dan akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan bayaran tersebut dibuat oleh majikan.

5. Pihak JTKSM juga akan membantu pekerja-pekerja ini untuk mendapatkan pekerjaan baru yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran yang ada di syarikat-syarikat lain. Oleh itu, mereka digalakkan mendaftar sebagai pencari kerja di dalam Portal JobsMalaysia bagi memudahkan JTKSM memberi bantuan. Bagi tahun 2015 (sehingga 30 September) seramai 1360 orang pekerja yang diberhentikan telah mendaftar melalui portal dan pihak JTKSM telah berjaya membantu seramai 637 orang mendapat pekerjaan baharu. Tindakan membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu akan dibuat secara berterusan selagi mereka berdaftar sebagai pencari kerja aktif dengan jabatan.

6. Selain dari itu JTKSM juga mengesan kekosongan-kekosongan jawatan yang wujud dalam industri untuk dimaklumkan kepada semua pencari-pencari kerja terutamanya pencari kerja yang berdaftar dengan JTKSM. Selain itu JTKSM juga sentiasa menjemput majikan-majikan yang memerlukan tenaga kerja untuk mengadakan temuduga terbuka di pejabat-pejabat Tenaga Kerja Daerah dimana pekerja-pekerja yang telah dihentikan kerja akan dijemput untuk menghadiri temuduga tersebut.

7. Kementerian ini juga merancang untuk membantu pekerja diberhentikan dengan cara :

- a. pekerja mahir yang diberhentikan akan dilatih sebagai tenaga pengajar di institusi latihan;
- b. pekerja mahir yang diberhentikan akan diberi persijilan berasaskan pencapaian dan pengalaman terdahulu.

(KSM tidak ada maklumat mengenai bilangan pekerja yang terlibat kerana ia masih di peringkat cadangan)